M Khamis. Dis 20 2018

4.42 juta orang dapat manfaat

Kerajaan setuju beri pengecualian kepada pemegang polisi

PUTRAJAYA

Finar Harian 26/12/18

Rerajaan bersetuju memberi pengecualian kepada pemegang polisi

individu yang membeli atau memperbaharui insurans atau takaful umum yang dikenakan cukai perkhidmatan seperti premium insurans motor, kebakaran dan kemalangan diri sepanjang tempoh cukai barang dan perkhidmatan (GST) berkadar sifar pada 1 Jun-31 Ogos 2018.

Sehubunganitu, Menteri Kewangan, Lim Guan Eng meminta syarikat-syarikat insurans yang telah mengenakan cukai tersebut agar mengembalikannya kepada pemegang polisi terbabit.

"Langkah ini dijangka akan memberi manfaat kepada 4.42 juta pemegang polisi dan membolehkan mereka menjimatkan pembayaran cukai sebanyak RM132 juta," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Menurut Guan Eng, po-

Langkah ini dijangka akan beri manfaat kepada 4.42 juta pemegang polisi." - Guan Eng

lisi insurans dan takaful umum individu serta perniagaan adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan mulai 1 September 2018.

Akta Cukai Perkhidmatan 2018 menghendaki syarikat insurans dan takaful mengenakan cukai perkhidmatan bagi tempoh yang dilindungi oleh polisi insurans atau takaful umum mulai 1 September 2018. - Bernama

